

MAHATHIR-UMNO R'R'R'

1982

PARIT BUNTAR, 7 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO SUPAYA SENTIASA MEMATUHI DISIPLIN PARTI DEMI MENGEKALKAN KUASA POLITIK YANG ADA PADA PARTI TERSEBUT.

KATANYA PERPECAHAN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI DAN SEBARANG TINDAKAN YANG BERTENTANGAN DENGAN PERLEMBAGAAN SUDAH BARANG TENTU AKAN MELEMAHKAN UMNO.

+SEKIRANYA UMNO LEMAH, KESTABILAN KERAJAAN JUGA AKAN TERGUGAT DAN AKHIRNYA SEMUA ORANG MELAYU AKAN RUGI,+ TEGAS BELIAU SEMAGA BERUCAP MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN KE-20 UMNO BAHAGIAN PARIT BUNTAR DI SINI.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENYATAKAN RASA DUKACITANYA TERHADAP SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA PARTI YANG TERLALU MEMENTINGKAN PERSONALITI DALAM PEMILIHAN PARA PEMIMPIN PERINGKAT BAHAGIAN SEHINGGA KADANGKALA MENEPEK LANGSUNG PERATURAN-PERATURAN PARTI DAN HASRAT SEBENAR UMNO ITU SENDIRI DITUBUHKAN.

BELIAU MENJELASKAN JAWATAN-JAWATAN TERTENTU DALAM PARTI DIWUJUDKAN BUKAN UNTUK FAEDAH ORANG-ORANG YANG MENYANDANGNYA TETAPI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA ORANG MELAYU. -- LAGI 1637/MK

B569

MAHATHIR - UMNO 2 PARIT BUNTAR R'R'R'

+MALANGNYA ADA ORANG-ORANG YANG SETELAH TIDAK TERPILIH UNTUK SESUATU JAWATAN, TERUS MENGASINGKAN DIRI DAN TIDAK MAHU LAGI AKTIF DALAM KEGIATAN PARTI,+ KATANYA.

BELIAU MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO BAHAWA KEKUATAN YANG ADA PADA PARTI ITU SEKARANG BERPUNCA DARI KUATNYA DISIPLIN YANG DIAMALKAN SERTA SUSUNAN-SUSUNAN TERTENTU MENGENAI PERJALANAN PARTI YANG DITETAPKAN DIBAWAH PERLEMBAGAANNYA.

+WALAU PUN ADA ANGGOTA YANG MUNGKIN TIDAK MENYETUJUI BEBERAPA ASPEK TERTENTU DALAM DASAR KITA, MEREKA PADA UMUMNYA MENERIMA KEPUTUSAN MAJORITI,+ KATANYA.

+GESUNGGUHNYA INILAH PUNCA KEKUATAN UMNO SELAMA INI DAN ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR INI DIKEKALKAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA MEMINTA MENTERI BESAR DATUK SERI WAN MOHAMED WAN TEH TERUS MEMIMPIN UMNO BAHAGIAN PARIT BUNTAR UNTUK TEMPOH SEKURANG-KURANGNYA SETAHUN LAGI +UNTUK MEMBOLEHKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DI BAHAGIAN ITU MEMDETULKAN RUMAH TANGGA MEREKA+. -- LAGI 1650/MK

B570

SAMBONGAN BIL B554 RANCANGAN TV UNTUK HARI AHAD 8 OGOS

B571

MAHATHIR - UMNO 3 PARIT BUNTAR R'R'R'

DATUK SERI WAN MOHAMED DILANTIK OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO UNTUK MENGETUAI BAHAGIAN ITU DALAM TAHUN 1980 SETELAH BAHAGIAN TERSEBUT DIGANTUNG BERIKUTAN DENGAN SATU KRISIS KEPIMPINAN.

TERDAHULU DARI ITU, SEMASA MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KEPALA DATAS, SEBERANG PERAI, PERDANA MENTERI BERKATA UMNO KINI MEMPUNYAI 750,000 ORANG ANGGOTA YANG BERDAFTAR MENJADIKAN-NYA, SEBUAH PARTI POLITIK YANG TERKUAT DAN TERBESAR DI NEGARA INI.

BELIAU MAHUKAN SUPAYA KEMPEN UNTUK MENAMBAH ANGGOTA TERUTAMA DARI KALANGAN PEMUDA DAN BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA PARTI PEMBANGKANG DITERUSKAN SEPANJANG MASA UNTUK FAEDAH ORANG-ORANG MELAYU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG MEMIKIRKAN BERBAGAI-BAGAI CARA UNTUK MENAMBAHKAN KECEKAPAN RAKYAT SEBAGAI LANJUTAN DARI KEMPEN-MENINGGIKAN KECEKAPAN PARA PEGAWAI KERAJAAN YANG DIJALANKAN SEKARANG.

MENURUT BELIAU, ADALAH TIDAK MEMADAI KALAU PARA PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA YANG HARUS DIMINTA MEMPERBAIKI PRESTASI MASING-MASING KALAU RAKYAT UMUMNYA TIDAK SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN. -- LAGI 1658/MK

MAHATHIR - UMNO 4 PARIT BUNTAR R'R'R'

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT SEKIRANYA KECEKAPAN SELURUH RAKYAT TERMASUK PARA PEKERJA SWASTA, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN ORANG-ORANG YANG BEKERJA SENDIRI DAPAT DITINGKATKAN, NEGARA BOLEH MENGELUARKAN HASIL YANG MENYAINGI DENGAN HASIL KELUARAN NEGARA-NEGARA LAIN.

MENURUT BELIAU DALAM KEADAAN SEKARANG BARANGAN BUATAN MALAYSIA TIDAK DAPAT MENEMBUSI BEBERAPA PASARAN TERTENTU DI LUAR NEGERI AKIBAT HARGANYA YANG TERLALU TINGGI BERBANDING DENGAN BARANGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA LAIN.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAHAWA SEKEPING PERMAIDANI BUATAN KOREA YANG DIJUAL DI KUALA LUMPUR BERHARGA KIRA-KIRA \$1,100 SEDANGKAN UPAH UNTUK MEMBUAT PERMAIDANI YANG SAMA BENTUK DAN MUTUNYA DI-MALAYSIA AKAN MENELAN BELANJA LEBIH \$1,000.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWA KITA MASIH BELUM MENCAPAI TAHAP KECEKAPAN YANG MEMBOLEHKAN KITA MENGELUARKAN HASIL KITA DENGAN KOS YANG LEBIH RENDAH,+ TEGAS BELIAU.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI YANG JUGA KETUA BAHAGIAN ITU DALAM UCAPANNYA BERKATA UMNO PULAU PINANG AKAN MENGADAKAN MESYUARAT KHAS DENGAN KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU PADA 10 OGOS UNTUK MEMBINCANGKAN STRATEGI-STRATEGI TERTENTU BAGI MEMBANGUNKAN SOSIO-EKONOMI ORANG-ORANG MELAYU DI PULAU PINANG. -- LAGI 1702/MK

0573

MAHATHIR - UMNO 5 PARIT BUNTAR R'R'R'

BELIAU BERIKRAR BAHAWA UMNO PULAU PINANG TIDAK AKAN BERTOLAK ANSUR DENGAN SESIAPAPUN DALAM MEMPERJUANGKAN HAK-HAK ORANG MELAYU DI PULAU PINANG.

BAGAIMANAPUN, DALAM BERBUAT DEMIKIAN, PIHAKNYA PERCAYA KEPADA KONSEP MESYAWARAH KERANA, KATANYA, MENERUSI PERBINCANGAN SAHAJALAH PERSEFAHAMAN YANG LEBIH ERAT DAPAT DICAPAI ANTARA KEDUA-DUA PIHAK. -- BERNAMA 1705/MK